

# Bahasa Inggeris masih penting: Osu

Oleh Hj. Hussin Kasau

**KOTA KINABALU:** Masyarakat umum di negeri ini dinasihatkan supaya menguasai Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk berkomunikasi dengan urusan-urusan rasmi ekonomi atau dunia luar.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Seri Panglim Osu Haji Sukam berkata sudah sewajarnya masyarakat umum menguasai bahasa asing itu kerana negara masih banyak bergantung dengan dunia luar berhubung dengan sistem serta proses ekonomi, politik, budaya dan teknologi yang global.

Katanya, sebagai 'lingua-franca' dalam sistem perhubungan antara-bangsa, penguasaan Bahasa Inggeris tidak boleh diabaikan, walaupun Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi negara.

Osu berkata demikian sewaktu merasmikan pertandingan 'debat' antara sekolah-sekolah Universiti Malaysia Sabah di kampung universiti itu di Menggatal dekat sini kelmarin.

Menurut beliau, hampir 80 peratus 'websites dalam internet' adalah menggunakan Bahasa Inggeris yang memberi kepastian kepada masyarakat umum wajar fasih dalam Bahasa Inggeris sekaligus dianggap sebagai 'mustahak'.

"Dalam era 'global village' pada zaman ini, negara terpaksa menggunakan bahasa pengantar dalam Bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan dunia luar dalam sistem dan proses ekonomi dan politik."

"Keupayaan kita menangani segala cabaran dan menggunakan segala peluang yang disajikan oleh sistem dan proses global ini, bergantung pada kemampuan kita kuasai alat-alat canggih, termasuk Bahasa Inggeris," katanya.



OSU (empat dari kanan) bersama kakitangan UMS di majlis itu

Jesteru itu tambah, kerajaan telah menentukan matlamat agar generasi akan datang dapat menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa, iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Osu berkata, falsafah pendidikan negara mempunyai matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

"Saya percaya dan yakin bahawa aktiviti seperti pertandingan debat ini mampu mempercepatkan proses merealisasikan hasrat falsafah negara, khususnya wawasan 2020," jelasnya.

Mengenai pertandingan itu, Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sabah berkata, kegiatan seperti itu mampu mempertingkatkan kemahiran seseorang, dan ini penting bagi setiap mahasiswa sebagai pemimpin pada masa akan datang.

Katanya, para mahasiswa perlu memiliki kemahiran berdebat, justeru

itu pertandingan ini wajar dijadikan tradisi, kerana ia merupakan langkah yang rasional ke arah mempertingkatkan kemahiran berbahasa dan berdebat di kalangan mahasiswa.

Dalam pertandingan itu, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi yang dianggotai oleh Benjamin Jerome, Chew Shun Yong, Kamarul Suhairi Mohd. Hanafiah dan Masli Udin, muncul sebagai juara merebut Piala Datuk Seri Panglima Osu Haji Sukam.

Manakala Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan yang dianggotai oleh Ooi Beng Houi, Ilyana Ismail Valarie Lojumbung dan Norazdlina Mahmood, sebagai naib juara.

Ooi Beng dari Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan menjadi pendebat terbaik.

Turut hadir di dalam majlis itu termasuklah Naib-Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dato' Dr. Abu Hassan Othman.